

3757/2
Ekonomi
Asas
Kertas 1
SEPT
2007
1 jam 15 minit



PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2007
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua 40 soalan*
 2. *Jawab semua soalan*
 3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan disediakan*
 4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan*
-

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

3757/1 2007 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik dan hitamkan ruangan yang sepadan bagi tiap-tiap soalan pada kertas jawapan objektif anda

Encik Mustapha Kamal memiliki 100 000 unit saham dalam syarikat Purnama Sdn. Bhd., mempunyai sebuah rumah banglo mewah, dua buah kereta BMW dan sebuah kereta Mercedes, 10 hektar kebun durian dan 500 hektar ladang kelapa sawit. Namun demikian, Encik Mustapha Kamal juga menghadapi masalah kekurangan.

- 1 Berdasarkan ilmu ekonomi, apakah yang dapat anda rumuskan daripada pernyataan di atas ?
- A Masalah kekurangan berlaku kerana Encik Mustapha Kamal tidak bijak berbelanja
 - B Masalah kekurangan berlaku kerana Encik Mustapha Kamal tidak pandai membuat pelaburan
 - C Masalah kekurangan wujud disebabkan Encik Mustapha Kamal mementingkan tingkat kesejahteraan yang tinggi
 - D Masalah kekurangan berlaku akibat kemahuan Encik Mustapha Kamal adalah pelbagai, sementara sumber ekonomi adalah terhad

Syarikat Kereta Maju IZ

| | |
|--------------------|-------------|
| Kancil 850 auto | - RM 30 000 |
| Gen 2 auto 1.6 XLI | - RM 53 000 |
| Perdana V6 auto | - RM 98 000 |

Kami menjual kereta baru dan penghantaran segera

- 2 Berpandukan iklan di atas, pernyataan tersebut merujuk kepada masalah asas ekonomi
- A untuk siapa barang dikeluarkan
 - B apa barang yang hendak dikeluarkan
 - C berapa banyak barang yang hendak dikeluarkan
 - D bagaimana barang hendak dikeluarkan

- 3 Dalam sistem ekonomi campuran, tujuan campur tangan kerajaan dalam ekonomi ialah untuk
- I menyediakan barang keperluan pengguna
 - II mempengaruhi peruntukan sumber
 - III mendapat keuntungan maksimum
 - IV mengawal mekanisme harga
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 4 Berikut adalah perbezaan antara barang ekonomi dengan barang percuma **kecuali**

| | Barang Ekonomi | Barang Percuma |
|---|--|--|
| A | Memerlukan kos pengeluaran | Pengeluaran tidak melibatkan kos lepas |
| B | Penawaran barang ekonomi adalah terhad | Tidak perlu dibayar oleh pengguna |
| C | Penawaran barang ekonomi adalah terhad | Manusia menghadapi kekurangan untuk barang percuma |
| D | Disediakan oleh sektor swasta | Merupakan alam semulajadi |

| | |
|------------------------|--|
| Pendapatan Encik Aliff | : RM3 200 |
| Pilihan | : Membeli telefon bimbit atau mesin rumput |
| Keputusan | : Encik Aliff membeli telefon bimbit |

- 5 Pilihan Encik Aliff adalah berasaskan
- A Meminimumkan kos
 - B Memaksimumkan kepuasan
 - C Memenuhi kehendak manusia
 - D Mencapai agihan yang seimbang

- 6 Jadual di bawah menunjukkan upah dan tingkat harga umum pada tahun 2003.

| Butiran | RM |
|------------------|-----------|
| Upah wang | 2 400 |
| Harga : Barang A | 1.20 |
| Barang B | 3.50 |
| Barang C | 4.30 |

Berdasarkan jadual di atas, harga purata dan upah benar ialah

- A RM1.20 dan 200 unit
- B RM3.00 dan 800 unit
- C RM3.50 dan 1 200 unit
- D RM4.30 dan 2 400 unit

| Butir-butir | RM | RM |
|-------------------------------|-----------|-----------|
| Pendapatan tahunan | | 30 000 |
| Tolak : | | |
| PERKESO | 200 | |
| Cukai Pendapatan Perseorangan | 280 | |
| Bayaran zakat | 250 | |
| yyy | zzz | 3 930 |
| Pendapatan boleh guna | | 26 070 |

- 7 Berasaskan jadual di atas, yyy dan zzz ialah
- A Caruman KWSP dan RM3 200
 - B Caruman KWSP dan RM33 930
 - C Premium insurans dan RM33 930
 - D Premium insurans nyawa dan RM3 200

- 8 Antara yang berikut, manakah menerangkan tentang kehendak individu?
- I Individu bebas membuat pilihan tentang barang yang dikehendaki
 - II Individu dapat hidup dengan lebih selesa jika barang kehendak dimiliki
 - III harga barang kehendak dikawal oleh kerajaan demi kesejahteraan rakyat
 - IV Barang kehendak mempunyai unsur kemestian untuk hidup dengan selesa
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 9 Encik Wong seorang jurujual. Setiap bulan, dia mengeneipkan wangnya sebanyak RM350 untuk membeli Amanah Saham Wawasan. Manakala Puan Surinder seorang kerani akaun dan pada bulan lepas, dia membeli sebuah rumah baru berharga RM55 000. Tindakan yang dilakukan oleh Encik Wong dan Puan Surinder ialah


| | Encik Wong | Puan Surinder |
|---|-------------------|-------------------------|
| A | Pelaburan | Perbelanjaan Penggunaan |
| B | Pinjaman | Pelaburan |
| C | Tabungan | Perbelanjaan Penggunaan |
| D | Tabungan | Pelaburan |

- 10 Jadual di bawah menunjukkan butir-butir pendapatan dan bayaran yang telah dibuat oleh Cik Ramlah pada tahun 2003.

| Butiran | RM |
|------------------------|-----------|
| Pendapatan bulanan | 25 000 |
| Ansuran kereta | 3 200 |
| Caruman KWSP | 2 750 |
| Premium insurans nyawa | 800 |
| Perubatan ibu bapa | 600 |
| Perbelanjaan harian | 2 800 |

Hitungkan jumlah pelepasan cukai pendapatan Cik Ramlah.

- A RM4 150
- B RM4 950
- C RM10 150
- D RM12 150



- 11 Rajah di atas menunjukkan keluk permintaan untuk kereta Proton Waja. Antara faktor berikut, yang manakah menyebabkan kuantiti permintaan bertambah dari Q_1 ke Q_2 ?
- I Penurunan harga kereta Proton Waja
 - II Kenaikan harga kereta Honda
 - III Syarikat kewangan melonggarkan syarat sewa beli
 - IV Kerajaan menaikkan gaji kakitangan awam sebanyak 10%
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

Syarikat Jamin Selamat Berhad melancarkan jualan runtuh sempena Karnival Jualan Kebangsaan. Syarikat ini memberi diskaun sebanyak 20% terhadap barang keluarannya. Akibatnya hasil jualan syarikat meningkat sebanyak 50%.

- 12 Kesimpulan daripada pernyataan di atas ialah barang tersebut mempunyai
- A keanjalan harga permintaan tak anjal
 - B keanjalan harga permintaan adalah uniti
 - C keanjalan harga permintaan melebihi satu
 - D keanjalan harga permintaan kurang daripada satu

Keanjalan harga permintaan untuk

- Barang X = 5.0
- Barang Y = 0.5

- 13 Sebagai seorang peniaga yang berjaya, apakah strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan jumlah jualan kedua-dua jenis barang di atas ?
- A Menurunkan harga barang X dan menaikkan harga barang Y
 - B Menurunkan harga barang Y dan menaikkan harga barang X
 - C Menurunkan harga kedua-dua barang X dan barang Y
 - D Menaikkan harga kedua-dua barang X dan barang Y

| Harga (RM) | Kuantiti diminta (unit) |
|------------|---------------------------|
| 20 | 50 |
| 24 | X |

- 14 Hitungkan nilai X jika keanjalan harga permintaan ialah 3.0.
- A 12 unit
 - B 20 unit
 - C 30 unit
 - D 80 unit

- 15 Manakah di antara berikut merupakan matlamat firma dalam satu unit ekonomi?
- A Bertujuan untuk meningkatkan kebajikan manusia
 - B Bertujuan untuk memuaskan kehendak manusia
 - C Membekalkan faktor pengeluaran untuk meningkatkan taraf hidup manusia
 - D Bertujuan untuk menggunakan faktor pengeluaran untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia

| Input Berubah | Jumlah Keluaran |
|---------------|-----------------|
| 1 | 5 |
| 3 | 15 |
| 8 | Y |
| 10 | 52 |

- 16 Jadual di atas menunjukkan jadual pengeluaran sebuah firma. Hitungkan nilai Y jika keluaran sut pada input berubah 10 ialah 8.5.
- A 15.6
 - B 27.5
 - C 35.0
 - D 43.5
- 17 Antara berikut, pilih pasangan yang **betul** untuk kos berubah dan kos tetap dalam satu proses pengeluaran.

| | Kos Tetap | Kos Berubah |
|---|------------------|-------------------|
| A | Bil elektrik | Susut nilai mesin |
| B | Sewa kilang | Kos minyak masak |
| C | Bayaran pinjaman | Premium insurans |
| D | Upah buruh | Kos pengangkutan |

Soalan 19 dan Soalan 20 adalah berdasarkan jadual di bawah.


| | | | | | | |
|------------------------|----|----|----|----|----|----|
| Keluaran (unit) | 0 | 2 | 4 | 6 | 8 | 10 |
| Jumlah Kos (RM) | 15 | 20 | 24 | 30 | 36 | 42 |

18 Hitungkan nilai kos tetap bagi tingkat keluaran yang ke-6.

- A RM5
- B RM6
- C RM15
- D RM30

19 Berapakah nilai kos berubah bagi tingkat keluaran yang ke-6?

- A RM5
- B RM15
- C RM20
- D RM30



20 Berdasarkan rajah di atas, apakah faktor yang boleh menyebabkan keluk penawaran sesuatu barang beralih ke kanan dari SS ke S1S1?


- I Penemuan teknologi baru
 - II Pemberian subsidi kerajaan
 - III Kenaikan cukai oleh kerajaan
 - IV Penurunan kos bahan mentah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

| Harga (RM) | Permintaan Ali | Permintaan Baba | Permintaan Firma M | Penawaran Firma X | Penawaran Firma Y |
|------------|----------------|-----------------|--------------------|-------------------|-------------------|
| 2 | 15 | 25 | 50 | 20 | 22 |
| 4 | 12 | 20 | 40 | 25 | 24 |
| 6 | 9 | 15 | 30 | 28 | 26 |
| 8 | 6 | 10 | 20 | 30 | 30 |
| 10 | 3 | 5 | 10 | 32 | 34 |

21 Jadual di atas menunjukkan permintaan dan penawaran terhadap barang Q pada pelbagai tingkat harga.

Berdasarkan jadual, tentukan harga keseimbangan pasaran bagi barang Q.

- A RM2
- B RM4
- C RM6
- D RM8




- 22 Rajah di atas menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi barang Z. Apakah yang akan berlaku pada tingkat harga RM6?
- I Berlaku lebih permintaan sebanyak 15 unit
 - II Berlaku lebih penawaran sebanyak 15 unit
 - III Harga barang Z akan naik
 - IV Harga barang Z akan jatuh
- A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV
- 23 Manakah di antara berikut menunjukkan perbezaan antara aliran wang dan aliran fizikal dalam aliran pusingan ekonomi dua sektor?
- A Aliran fizikal melibatkan pergerakan wang, barang, perkhidmatan dan faktor pengeluaran manakala aliran wang melibatkan ganjaran faktor pengeluaran dan pendapatan isi rumah
 - B Aliran fizikal melibatkan pergerakan faktor pengeluaran seperti buruh, modal, tanah dan usahawan manakala aliran wang melibatkan ganjaran faktor pengeluaran seperti upah, sewa, faedah dan untung
 - C Aliran fizikal melibatkan pergerakan barang sahaja manakala aliran wang hanya melibatkan penerimaan pendapatan isi rumah
 - D Aliran fizikal hanya melibatkan pergerakan faktor pengeluaran manakala aliran wang hanya melibatkan perbelanjaan isi rumah

- 24 Antara berikut, yang manakah merupakan wang sah di Malaysia?
- I Duit syiling
 - II Wang kertas
 - III Deposit semasa
 - IV Kad kredit
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 25 Antara perkhidmatan berikut, yang manakah ditawarkan oleh sesebuah syarikat kewangan?
- I Encik Zakaria memohon pinjaman perumahan
 - II Encik Tan ingin membuka akaun tetap dan akaun tabungan
 - III Pn Betty membeli draf bank sebelum mengirimi wang kepada anaknya
 - IV Syarikat Maju Berhad memohon kemudahan overdraf sebanyak RM20 000
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- Menerima deposit tetap dan deposit tabungan
 - Faedah dikecualikan daripada cukai pendapatan
- 26 Antara institusi kewangan berikut, yang manakah menyediakan perkhidmatan seperti ternyata di atas?
- A Lembaga Tabung Haji
 - B Bank Simpanan Nasional
 - C Bank Islam Malaysia Berhad
 - D Bumiputra-Commerce Finance Berhad

Kadar pengangguran semakin meningkat

- 27 Antara tindakan berikut, yang manakah harus dilakukan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengatasi keadaan ekonomi tersebut?
- I Membeli surat jaminan kerajaan
 - II Menaikkan kadar rizab berkanun
 - III Menaikkan kadar faedah pinjaman
 - IV Menaikkan jumlah pinjaman maksimum
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 28 Antara berikut yang manakah **benar** tentang bank saudagar?
- A Menyediakan kemudahan pertukaran asing
 - B Menerima deposit semasa daripada sektor korporat
 - C Memberi perkhidmatan pindahan kredit kepada peniaga
 - D Menguruskan pinjaman secara berkumpulan kepada syarikat besar
- 29 Bank Negara Malaysia berfungsi sebagai jurubank kepada kerajaan **kecuali**
- A mentadbirkan akaun kerajaan
 - B menguruskan pinjaman kerajaan
 - C menguruskan pertukaran asing
 - D menjual beli surat jaminan kerajaan



- 30 Berdasarkan rajah di atas, apakah prinsip yang telah dipersetujui antara pihak bank dengan pelanggan tersebut?
- A Al-Takjiri
- B Murabahah
- C Mudharabah
- D

| |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Buat pelaburan dalam surat jaminan kerajaan• Sediakan kemudahan membeli rumah• Biayai rawatan atau perubatan penyakit kritikal |
|--|
- 31 Antara institusi kewangan berikut, yang manakah menawarkan perkhidmatan tersebut?
- A Lembaga Tabung Haji
- B Bank Simpanan Nasional
- C Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- D Syarikat Takaful Sendirian Berhad
- 32 Beban cukai tak langsung tidak dapat dipindahkan kepada orang lain. Antara berikut merupakan jenis cukai tak langsung **kecuali**
- I Encik Ramesh membayar RM200 setiap bulan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri
- II Syarikat kereta membayar cukai import ke atas kereta mewah yang diimport dari Jepun
- III Puan Betty dikenakan cukai perkhidmatan semasa menjelaskan bil hotel tempatan
- IV Koperasi membayar cukai ke atas keuntungan operasinya bagi tahun semasa
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- E II, III dan IV

- 33 Antara tindakan kerajaan berikut, manakah yang akan mengurangkan hutang negara?
- I Mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan
 - II Melaksanakan dasar belanjawan lebihan
 - III Menebus bil perbendaharaan
 - IV Menjual sekuriti kerajaan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 34 Mengapakah sesebuah negara memerlukan pertukaran asing?
- I Untuk membiayai import
 - II Untuk membayar balik hutang luar negara
 - III Untuk membuat pelaburan di negara asing
 - IV Untuk mempertahankan nilai mata wang negara
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

| |
|--|
| $S\$1.00 = RM2.50$ $S\$1.00 = RM2.20$ |
|--|

- 35 Berdasarkan kadar pertukaran di atas, manakah yang telah menyebabkan perubahan sedemikian di antara Ringgit Malaysia berbanding Dolar Singapura?
- A. Eksport Malaysia bertambah
 - B. Eksport dan import Malaysia bertambah
 - C. Eksport Malaysia ke Singapura semakin berkurang
 - D. Eksport Malaysia berkurang manakala import bertambah

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan jadual berikut

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Salah | Salah |
| D | Betul | Betul |

36. I. Cek kembara ialah cek yang dijual dalam nilai mata wang asing dan boleh ditunaikan di negara yang dilawati
- II Kerajaan harus menaikkan kadar rizab berkanun semasa ekonomi mengalami kadar inflasi yang tinggi
37. I Bank Pusat akan mengarahkan bank perdagangan menaikkan kadar rizab tunai semasa kemelesetan ekonomi
- II Cukai langsung ialah cukai yang beban cukainya tidak boleh diagihkan kepada orang lain
38. I Pinjaman pasaran merujuk kepada pinjaman yang diperoleh kerajaan melalui penjualan alat kewangan di pasaran terbuka
- II Belanjawan lebihan akan diamatkan oleh kerajaan semasa ekonomi mengalami kemelesetan
39. I Akaun modal merekodkan aliran masuk dan aliran keluar kewangan bagi sesebuah negara dalam tempoh setahun
- II Lambakan adalah tindakan sesebuah negara menjual barang di pasaran antara bangsa pada tingkat harga yang lebih rendah daripada kos pengeluarannya
40. I Kadar pertukaran asing ialah nilai harga mata wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang asing
- II Kenakan kadar pertukaran asing akan menyebabkan harga eksport barang negara menjad lebih mahal

